



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Perbadanan Stadium Merdeka (Pindaan) 1986

DR.15/1986

D.R. 15/86

Naskhah Sahih—Bahasa Inggeris

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Perbadanan Stadium Merdeka 1963.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbadanan Stadium Merdeka (Pindaan) 1986. Tajuk ringkas.
2. Subseksyen (2) seksyen 3 Akta Perbadanan Stadium Merdeka 1963, yang dalam Akta ini disebut “Akta ibu”, adalah dipinda— Pindaan seksyen 3. 11/63.
 - (a) dengan memasukkan perkataan-perkataan “or any facilities” selepas sahaja perkataan “stadium” yang terdapat dalam perenggan (a);
 - (b) dengan memotong perkataan “and” yang terdapat di akhir perenggan (f);
 - (c) dengan menggantikan noktah yang terdapat di akhir perenggan (g) dengan koma bernoktah; dan
 - (d) dengan menambah selepas sahaja perenggan (g) perenggan baru (h) dan (i) yang berikut:

“(h) to set up committees, which may consist of or include persons who are not members of the Corporation, to advise or assist the Corporation on such matters concerning its powers and functions as it

considers fit, and the Corporation may delegate, subject to such conditions and restrictions as it may impose, such of its powers and functions as it considers fit to any of such committees and any act done or decision made by the committee pursuant to such delegation shall be deemed to be the act or decision of the Corporation; and

- (i) to authorize the Chairman to set up *ad hoc* committees of the Corporation from time to time, for such purposes and upon such terms, conditions and restrictions as the Corporation may consider appropriate.”.

Pindaan
seksyen 4.

3. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 4 dengan seksyen baru 4 yang berikut :

“Members
of the
Corpora-
tion.

4. (1) The Corporation shall consist of the following members :

- (a) not less than five and not more than nine persons to be appointed by the Minister; and

- (b) five persons appointed by the Minister to represent sports organisations.

(2) There shall be a Chairman of the Corporation who shall be appointed by the Minister from among the members.

(3) The Minister may, in his discretion, appoint a Deputy Chairman from among the members.

(4) A member shall hold office for such term (not exceeding three years at any one time) as may be specified in the letter appointing him to be a member.

(5) A member shall, except as provided in section 5, be eligible for re-appointment.

(6) Save as aforesaid and subject to the provisions of this Act the Chairman, Deputy Chairman or any member may by writing under his hand addressed to the Minister resign his office.”.

4. Seksyen 5 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan huruf “(c)” yang terdapat dalam perenggan (b) dengan huruf “(b)”. Pindaan seksyen 5.

5. Subseksyen (1) seksyen 6 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “eight members present” dengan perkataan-perkataan “half of the members appointed”. Pindaan seksyen 6.

6. Seksyen 9 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen baru (2) yang berikut: Pindaan seksyen 9.

“(2) The revenues of the Corporation for any financial year shall be applied for—

(a) the payment of salaries, remunerations and allowances of the officers, agents and servants of the Corporation;

(b) the payment of allowances to the members of the Corporation or of committees established under section 3, as may be determined by the Minister;

(c) meeting the expenses incurred by the Corporation in exercising and discharging its functions; and

(d) the maintenance and renewal of the property of the Corporation chargeable to the revenue.”.

7. Seksyen 12 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan seksyen 12.

(a) dengan memotong perkataan “dan” yang terdapat di akhir perenggan (f); dan

(b) dengan memasukkan selepas perenggan (f) perenggan baru (fa) yang berikut:

“(fa) to prescribe the terms and conditions under which a stadium may be used by any person other than the Government; and”.

8. Apabila mula berkuatkuasanya Akta ini, ahli-ahli yang dilantik di bawah seksyen 4 Akta ibu adalah disifatkan sebagai telah terhenti daripada memegang jawatan. Peralihan.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Perbadanan Stadium Merdeka 1963.

2. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 2 bagi membolehkan Perbadanan bukan sahaja untuk menubuh, mengurus dan menyelenggara mana-mana stadium tetapi juga apa-apa kemudahan lain yang difikirkannya perlu. Pindaan ini juga bertujuan untuk memberi kuasa kepada Perbadanan untuk menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa bagi menasihati atau membantu Perbadanan dalam perkara-perkara berhubungan dengan kuasa-kuasa dan fungsi-fungsinya serta juga membolehkan Perbadanan memberi kuasa kepada Pengerusi untuk menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa *ad hoc* dari semasa ke semasa.

3. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda seksyen 4 bagi mengurangkan bilangan orang yang dilantik sebagai ahli-ahli Perbadanan untuk memastikan kelicinan dan kecekapan dalam mengendalikan Perbadanan.

Perenggan (b) yang sedia ada adalah dipotong kerana pada masa Akta itu diperbuat Stadium Merdeka adalah terletak di dalam Negeri Selangor. Oleh yang demikian Menteri Besar telah diberi kuasa untuk melantik dua orang sebagai ahli. Dengan wujudnya Wilayah Persekutuan, Stadium Merdeka adalah sekarang terletak dalam Wilayah Persekutuan dan oleh kerana itu kuasa yang telah diberi kepada Menteri Besar Selangor untuk melantik ahli-ahli tidak lagi perlu.

Bilangan orang yang dilantik untuk mewakili pertubuhan sukan adalah juga dikurangkan daripada lapan kepada lima.

Subseksyen (3) yang dicadangkan bertujuan memberi kuasa budi bicara kepada Menteri untuk melantik Timbalan Pengerusi apabila difikirkannya perlu.

4. *Fasal 4* bertujuan untuk membuat peruntukan mengenai pindaan berbangkit yang timbul dari pemerenggan semula perenggan (c) seksyen 4 yang sedia ada.

5. *Fasal 5* bertujuan untuk mengubah kuorum disebabkan pengurangan bilangan ahli Perbadanan yang dilantik.

6. *Fasal 6* bertujuan untuk meminda seksyen 9 bagi memastikan kejelasan dan ketentuan dalam menggunakan Kumpulan Wang Perbadanan. Ianya juga bertujuan untuk memberi elaun kepada ahli-ahli Perbadanan atau ahli-ahli jawatankuasa-jawatankuasa yang dilantik di bawah seksyen 3.

7. *Fasal 7* bertujuan untuk menambah peruntukan baru di bawah seksyen 12 bagi memberi kuasa kepada Perbadanan untuk membuat apa-apa kaedah berkenaan dengan penyewaan stadium kepada mana-mana orang selain daripada Kerajaan.

8. *Fasal 8* adalah suatu peruntukan peralihan bagi memperuntukkan mengenai penamatan jawatan ahli-ahli Perbadanan yang ada pada masa ini apabila berkuatkuasanya Akta ini oleh kerana komposisi ahli-ahli Perbadanan tersebut telah berubah.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang ini.

[PN. (PU²) 1021.]